

## Kajian Evaluatif Terhadap Kepatuhan Fatwa dalam Program Cinta Ilmu di TV Alhijrah

### *Evaluative Study on Fatwa's Compliance in Programme of Cinta Ilmu on TV Alhijrah*

**Abdul Azib Hussain<sup>1</sup> & Mohd Kamil Ahmad<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Department of Syariah, Ismail Petra International Islamic College, 15730, Malaysia, e-mail: azibhussain83@gmail.com.

<sup>2</sup> Centre for Language Studies and Generic Development, Universiti Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Kelantan, e-mail: mohdkamil@umk.edu.my

#### **ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan penilaian terhadap kepatuhan fatwa dalam program Cinta Ilmu di TV AlHijrah antara tahun 2012 hingga 2015. Sumber kajian dirujuk daripada laporan tonton tapis Unit Penapisan Kandungan (UPK) dan video program sebanyak 805 episod melalui sistem *Media Asset Management* (MAM). Metode evaluasi dalam menganalisis data menggunakan *CIPP Evaluation Model*. Analisis evaluasi konteks mendapati matlamat program Cinta Ilmu adalah tercapai walaupun terdapat sedikit halangan dari sudut ketidakpatuhan fatwa. Analisis evaluasi input pula mendapati sebanyak 16 isu dikaitkan dengan pelanggaran terhadap syarat kebenaran khas berceramah dari Pejabat Mufti Wilayah oleh penceramah Fiqah Syariah musim pertama. Manakala analisis evaluasi proses pula mendapati gerak kerja suntingan program dan saringan penceramah berkelayakan adalah wajar serta berkesan dalam mengawal isu-isu sensitif berkaitan fatwa. Akhirnya analisis evaluasi produk mendapati tahap kepatuhan fatwa dalam program Cinta Ilmu adalah tinggi iaitu 97.26% dan hanya melibatkan dua isu sahaja yang berlawanan dengan fatwa arus perdana. Namun kes-kes yang berlaku dalam kajian ini tidak menjelaskan institusi fatwa dan kepercayaan masyarakat terhadap para ulama.

**Kata Kunci:** Kepatuhan Fatwa; Program TV AlHijrah; Institusi Fatwa; Kajian Evaluatif.

---

#### **ABSTRACT**

*This study discusses the evaluation of adherence to the fatwa in programme of Cinta Ilmu on TV AlHijrah between 2012 to 2015. The source of this study is referred from the report taken from the Content Filtering Unit (UPK) and video programmes as much as 805 episodes through the system of Media Asset Management (MAM). The evaluation method for analyzing the data is using CIPP Evaluation Model. Contextual evaluation analysis found that the goals of the programme of Cinta Ilmu have been achieved despite of some obstacles in term of non-compliance to fatwa.*

*Evaluation analysis input found that 16 issues related to violations of the particular permission requirements of lecture from Regional Mufti Office by the first season of Sharia Fiqh speaker. While process evaluation analysis realized that the program editing task and the screening of qualified speakers were appropriate and effective in controlling sensitive issues related to fatwa. Ultimately the product evaluation analysis discovered the adherence rate of fatwa in programme of Cinta Ilmu was high at 97.26% and involved only two issues against the fatwa's mainstream. However, the cases in this study do not affect the institution of fatwa and the public's belief towards scholars.*

**Keywords:** Adherence to the fatwa; TV AlHijrah Programme; Institution of Fatwa; Evaluative Study.

---

## 1. Pendahuluan

Pada Oktober 2014 yang lalu, negara kita pernah dikejutkan dengan penularan dalam media sosial satu edaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berstatus sulit yang mencadangkan supaya memantau dan menangguhkan daripada menjemput seorang penceramah tersohor dalam program-program rasmi di peringkat negeri sehingga suatu tempoh masa tertentu.

Antara alasan sekatan ke atas jemputan ini adalah kerana penceramah tersebut dianggap tidak patuh fatwa dan membangkitkan isu kontroversi apabila telah mengeluarkan beberapa pandangan hukum yang bercanggah dengan keputusan Fatwa Kebangsaan atau Fatwa Negeri ketika bersiaran secara *live* dalam program Cinta Ilmu musim pertama di TV AlHijrah. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk menilai tahap kepatuhan fatwa dalam program TV yang telah disebutkan tadi.

Kajian ini berbentuk kualitatif. Metode dan model evaluasi yang digunakan untuk membuat penilaian adalah berdasarkan *CIPP Evaluation Model* yang telah diperkenalkan oleh Daniel L. Stufflebeam. *CIPP* merupakan akronim daripada *Context, Input, Process* dan *Product*.

*CIPP Evaluation Model* dipilih kerana dianggap sebagai model yang lebih objektif dan efektif dari sudut penilaianya terhadap sesuatu bidang kajian. Stufflebeam berkata, “Model *CIPP* menggambarkan orientasi secara objekif. Penilaian secara objektif adalah berdasarkan kepada teori bahawa nilai murni merupakan objektif serta bebas daripada belenggu peribadi dan perasaan manusia semata-mata” (Thomas Kellaghan, Daniel L. Stufflebeam, dan Lori A. Wingate 2003).

Perbincangan berkaitan kepatuhan fatwa pernah ditulis oleh Mohamad Azam Mohamad Adil dalam artikel beliau bertajuk “Kewajipan Patuh kepada Fatwa”. Ia sebagai jawapan terhadap kumpulan Sisters In Islam (SIS) yang tidak berpuas hati dengan fatwa negeri Selangor setelah

difatwakan kumpulan mereka sebagai sesat dan menyeleweng daripada agama Islam (International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia 2020).

Manakala kajian secara khusus yang menyentuh program TV berkaitan fatwa, fiqh dan patuh syariah pula pernah dilaksanakan oleh beberapa orang penyelidik sebelum ini. Antaranya adalah seperti Hasan Muhammad ‘Abd Allah al-Marzuki dan Hamzah ‘Abd al-Karim Muhammad Hammad (2018), Abdul Azib Hussain (2017), Hajar Opir dan Muhammed Yusof (2015), Zulkifli Abd. Ghani (2014), Hawa’ Sa’ud (2012), Zainab Muhammad (2012), ‘Abd al-Nasir bin Musa Abu al-Basl (2009) dan Nasir bin ‘Abd al-Rahman al-Hazani (2009).

## 2. Definisi Kepatuhan, Fatwa Dan Evaluatif

Kepatuhan adalah bersinonim dengan keakuran, ketataan, tunduk atau turut (Dewan Bahasa dan Pustaka 2020). Fatwa pula secara umumnya difahami sebagai jawapan mufti terhadap sesuatu kemosykihan dalam hukum-hakam (Al-Raghib al-Asfahani 1412H) yang belum diputuskan oleh al-Quran dan hadith.

Menurut ‘Ali Jum’ah (2008), terminologi fatwa bermaksud menerangkan hukum syarak berdasarkan dalil kepada sesiapa yang bertanya tentangnya, sama ada persoalan itu merangkumi realiti sebenar atau selainnya.

Terminologi fatwa menurut ‘Ali Jum’ah di atas adalah sangat umum kerana dilihat semata-mata berperanan memberi nasihat hukum sahaja, tanpa ada sebarang paksaan untuk mengikutinya atau tidak. Namun fatwa dalam konteks negara kita Malaysia boleh dikategorikan kepada tiga bentuk merujuk kepada sumber ia keluarkan.

**Pertama**, fatwa yang dikeluarkan oleh mufti sendiri sama ada berbentuk perkataan atau tulisan terhadap sesuatu persoalan hukum daripada *mustaftī*. **Kedua**, fatwa yang dikeluarkan secara kolektif iaitu melalui muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan atau Jawatankuasa Fatwa Negeri. Dan **ketiga**, fatwa yang dikeluarkan serta ditakninkan menjadi warta di sesebuah negeri (Mohd Anuar Ramli et. al. 2013).

Fatwa bagi kategori pertama dan kedua tidak bersifat mengikat serta tidak mempunyai implikasi undang-undang. Pun begitu, seorang Muslim harus akur dan patuh terhadap fatwa yang dikeluarkan dalam menjalani kehidupan beragama.

Manakala fatwa bagi kategori ketiga pula bersifat mengikat dan mempunyai peruntukan undang-undang. Ini bermakna, seseorang yang didapati melanggar ketetapan fatwa tersebut boleh dikenakan tindakan mengikut setakat mana bidang kuasa dan tempat fatwa itu diwartakan (Mohd Anuar Ramli et. al. 2013; Hasnan Kasan dan Jasri Jamal 2003).

Sebagai contoh, Seksyen 34 (3) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan (1993) ada menyebut:

*Apabila disiarkan dalam warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipan di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh hukum syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan atau pendapat peribadi.*

Evaluatif pula bermaksud penilaian. Menurut Stufflebeam, Madaus dan Kellaghan (2003), evaluasi merupakan kajian yang dirancang dan dibuat untuk membantu khalayak dalam mengetahui nilai dan manfaat sesuatu objek. Justeru, tajuk kajian ini boleh difahami sebagai kajian penilaian terhadap aspek kepatuhan fatwa dalam program Cinta Ilmu di TV AlHijrah.

### **3. Realiti Kandungan Program Islamik Dalam Saluran Tv Di Malaysia**

Program Islamik di TV sering mendapat *rating* tontonan yang tinggi. Kajian oleh Hazem Anwar el-Banna (2008; Zainab Muhammad Hamid Hasan 2012, 2018) terhadap penduduk Mesir misalnya mendapati program soal jawab agama seperti fatwa merupakan antara program yang paling diminati dengan peratus tontonan sebanyak 72.9%, berbanding program drama dan filem iaitu sebanyak 71.8%.

Di Malaysia, walaupun *rating* tontonan program Islamik sangat tinggi, namun kandungan programnya masih berada pada tahap yang rendah. Kajian yang dijalankan oleh Fauziah Hassan et. al. (2015) terhadap empat buah saluran TV percuma (iaitu TV1, TV2, TV3 dan 8TV) di negara kita mendapati hanya 34 kali sahaja program TV bergenre Islamik disiarkan dalam tempoh seminggu berbanding program-program lain, dengan peratusan nilai yang rendah sebanyak 12.8%, sebagaimana dalam jadual di bawah.

Jadual 1.0: Jumlah dan Peratus Program Islamik di Empat TV Selama Seminggu

Genre	Agama	
	TV	Jumlah Program
TV1	17	6%
TV2	4	1.6%
TV3	13	5.2%
8TV	-	-
Jumlah	34	12.8%

(Sumber: Fauziah Hassan et. al., h. 7 & 9)

Maka dalam hal ini, TV AlHijrah boleh dikatakan sebagai saluran TV yang menampung kelompongan kandungan program Islamik tersebut selaras

dengan objektif penubuhannya iaitu sebagai peneraju kepada TV yang memenuhi piawaian patuh syariah pertama di Malaysia (Mazni Buyong dan Rizalawati Ismail 2011; Abdul Azib Hussain 2017).

#### **4. Kaitan Fatwa Dengan Program Islamik Di TV**

Segala persoalan berkaitan hukum dan memastikan keberkesanannya dalam menjaga kesucian agama serta penghayatannya di kalangan masyarakat dikawal selia oleh institusi fatwa (Muhamad Shukri Muhamad 2012). Oleh itu, fatwa juga mempunyai kaitan dengan institusi media kerana ia sangat berpotensi berperanan sebagai saluran maklumat, medium dakwah, pembentuk akhlak dan pemikiran masyarakat (Md Rozalafri Johari et. al. 2015).

Dalam perkara yang berkait dengan program Islamik di TV seperti program bicara hukum-hakam agama, setiap panel atau penceramah jemputan TV perlu mengutarakan pandangan hukum selari dengan keputusan fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan atau Jawatankuasa Fatwa Negeri.

Sebarang percanggahan pandangan hukum antara panel penceramah jemputan TV dengan keputusan rasmi institusi fatwa boleh membawa kepada perpecahan dan kekeliruan di kalangan masyarakat. Perpecahan yang dimaksudkan di sini adalah ketidakharmonian hubungan di antara anggota masyarakat apabila setiap pihak saling salah-menyalahkan. Bahkan, jika perkara ini dipelopori oleh golongan taasub dan ekstrem, ia boleh menyebabkan berlaku pergaduhan (Abdul Azib Hussain 2017).

Masyarakat juga akan menjadi keliru untuk memilih antara ajaran-ajaran agama Islam sebenar yang hendak diamalkan. Masyarakat awam yang tidak memahami isu perselisihan pendapat akan memandang Islam sebagai agama yang tidak kompeten (Abdul Azib Hussain 2017).

Keadaan menjadi bertambah buruk jika terdapat pihak tertentu mempertikaikan keautoritian institusi fatwa di negara kita. Implikasi terhadap isu seumpama ini, penceramah jemputan tersebut boleh diberhentikan daripada bersiaran di TV kerana bimbang akan mempengaruhi masyarakat dan hilang hormat terhadap institusi agama yang paling berautoriti.

#### **5. Program Cinta Ilmu TV Alhijrah Dan Aspek Kepatuhan Fatwa**

Cinta Ilmu dikira program yang sangat popular di TV AlHijrah antara tahun 2012 hingga 2015. Ia bersiaran selama enam musim, berdurasi secara purata 45 minit per episod, berformat menjawab dan membincangkan persoalan serta kemosyikilan agama (AlHijrah Media 2020) seumpama bicara hukum dan fatwa.

Rancangan ini mempunyai enam bidang berserta hos atau panel penceramah jemputan masing-masing seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 2.0: Enam Bidang Rancangan Cinta Ilmu, Kitab Rujukan dan Hos

Bil.	Tahun	Bidang	Kitab Rujukan	Hos/ Panel Penceramah Jemputan
1.	2013 - 2015	Aqidah dan Falsafah	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tanda-tanda Kiamat</li> <li>● Biografi Malaikat</li> <li>● Tanda-tanda Orang Munafik dalam al-Quran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dr. Farid Shahran</li> <li>● Dato' Ustaz Badli Shah bin Alauddin</li> </ul>
2.	2013 - 2015	Fiqah Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Wanita Dambaan Syurga</li> <li>● Tafsir Wanita dalam al-Quran</li> <li>● Fatwa Kontemporari Yusuf al-Qaradawi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dr. Sharifah Hayati Syed Ismail</li> <li>● Ustazah Isfadiah bin Mohd Dasuki</li> </ul>
3.	2012- 2013	Fiqah Syariah	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tiada</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sheikh Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki</li> </ul>
	2013 - 2015		<ul style="list-style-type: none"> <li>● Halal dan Haram dalam Islam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dato' Ustaz Badli Shah bin Alauddin</li> <li>● Ustaz Harryanto Rizal Rokman</li> </ul>
4.	2013 - 2015	Celik Hadith	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Hadith 40 Imam al-Nawawi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dr. Fauzi Deraman</li> </ul>
5.	2012 - 2015	Tasawuf Harian	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Hikam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri</li> </ul>
6.	2012 - 2015	Medan Fatwa	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <i>Ahasin al-Kalim</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri</li> </ul>

(Sumber: Abdul Azib & Mohd Kamil, 2020)

Terdapat 805 jumlah episod yang dikaji dalam program Cinta Ilmu antara tahun 2012 hingga 2015. Sumber video program dirujuk daripada simpanan server melalui sistem *Media Asset Manager (MAM)* serta laporan tonton tapis Unit Penapisan Kandungan, TV AlHijrah. Kajian terhadap jumlah episod tersebut diringkaskan sebagaimana dalam jadual di bawah.

Jadual 3.0: Ringkasan Laporan UPK dan Isu bagi Semua Episod Program Cinta Ilmu 2012 – 2015.

Tahun	Bidang Program	Jumlah Episod	Hos/ Panel	Laporan UPK/ Isu yang Berlawanan dengan Fatwa
2012	Fiqah Syariah	4	Sheikh Nuruddin Marbu al-Banjari	<p>Episod 1/ P0010535: Martabat Ilmu dan Ulama</p> <p>Suntingan pada kod masa berikut:</p> <p>29:04:03 – 32:42:10. Sheikh Nuruddin menyatakan pendapat beliau bahawa tidak boleh seseorang mendermakan organnya kepada orang lain. Ini bercanggah dengan fatwa Majlis Kebangsaan yang mengharuskan perkara tersebut.</p>
	Tasawuf Harian	2	Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri	Tiada laporan suntingan.
2013	Akidah dan Falsafah	29	Dr. Farid Shahran	Laporan suntingan biasa yang melibatkan kesilapan bacaan ayat al-Quran.
		23	Dato' Ustaz Badli Shah bin Alauddin	Laporan suntingan biasa berkaitan urusan hal ehwal dalaman Syria dan Jordan.
	Fiqah Syariah	60	Sheikh Nuruddin Marbu al-Banjari	<p>Episod 19/ P0010553: Ilmu dan Keadilan</p> <p>Suntingan pada kod masa berikut:</p> <p>29:14:15 – 31:28:15. S: Apakah hukum kalimah Allah digunakan oleh orang bukan Islam?</p> <p>J: Penggunaan kalimah Allah yang digunakan oleh orang yang bukan Islam, dalam rangkaian ayat Allah mempertanyakan kepada mereka atau Allah memperkatakan kalau anda tanyakan kepada mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?, ayatnya “<i>Walain saaltahum man khalaqa al-samawati wa al ard?</i>” maksudnya “Kalau</p>

				<p>kamu tanyakan kepada mereka, iaitu kepada orang kapirlah, penyembah berhala, penyembah patung dan sebagainya “Siapakah pencipta langit dan bumi?”, “<i>Layaqulanna Allah</i>”, mereka menjawab “<i>Allah</i>”.</p> <p>Jadi di sana ulama menyatakan tidak ada halangan. Memang mereka penyembah patung, penyembah berhala, penyembah matahari, penyembah api pun harus mengakui bahawa Allah itu sang Pencipta dan mereka juga harus tahu Allah sajalah yang sah dan yang layak dan yang patut untuk kita meng’ubudiah’kan diri. Jadi tak ada larangan.</p> <p>Lain halnya kalau ternyata kalimat Allah itu digunakan dalam bentuk terhinakan misalnya dalam bentuk tulisan-tulisan seperti apa atau dalam satu hiasan atau dalam satu lukisan yang ternyata dengan kalimat Allah itu terhinakan dengan tulisan itu seperti ditulis dengan najis kah, diletakkan di bawah kah, di bawah kasutkah. Jelas itu tidak betul. Ketidakbenaran itu bukan setakat dengan mereka, kalau dengan kita orang Islam pun melakukan perkara sama semacam itu jelas merupakan satu perkara mungkar dan satu perkara yang tidak dibolehkan.</p> <p>Setakat menyebut, setakat menyatakan Allah itu semua makhluk, (sama ada) yang kafir, yang beriman, <i>salihuhum</i> (orang soleh dikalangan mereka), <i>talihuhum</i> (orang yang melakukan pelanggaran), sejak daripada perjanjian yang pertama, Allah mempertanyakan kepada</p>
--	--	--	--	--

				<p>semua makhluk, maksudnya manusia dan jin “<i>Alastu bi rabbikum?</i>”, ‘Tidakkah Aku ini sebagai Pencipta kepada kalian?’, maksudnya aku adalah Allah. Semuanya mengatakan “<i>Qalubala</i>”. Jadi pengakuan itu sejak kita dikumpulkan di alam al-arwah, di alam ruh. Pada waktu itu manusia sudah mengakui dengan ketuhanan Allah Jalla wa’ala.</p> <p>Suntingan: Potong, kenyataan tersebut boleh menimbulkan isu jika bersiaran.</p>
				<p>* 16 laporan suntingan untuk program siaran ulangan kerana bercanggah dengan kebenaran khas berceramah dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.</p> <p>Ini kerana ia menyentuh beberapa isu sensitif seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Isu parti politik.</li> <li>(b) Isu kedaulatan Yang di-Pertuan Agong dan Raja.</li> <li>(c) Isu peribadi berkaitan Ibn Taimiyah dan salafi wahabi.</li> <li>(d) Isu berkaitan tahanan ISA.</li> <li>(e) Isu melanggar undang-undang jalan raya.</li> <li>(f) Isu khilafiah iaitu pengharaman muzik, dan;</li> <li>(g) Isu ketidakpatuhan kepada peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa.</li> </ul>
	34	Dato' Ustaz Badli Shah bin Alauddin		Tiada laporan suntingan.
	22	Ustaz Harryanto Rizal Rokman		Laporan suntingan biasa yang tidak berkaitan dengan fatwa.
Fiqh Wanita	43	Dr. Sharifah Hayati Syed Ismail		Tiada laporan suntingan.
	18	Ustazah Isfadiah Mohd Dasuki		Laporan suntingan biasa yang tidak berkaitan dengan fatwa.
	Celik Hadth	9	Dr. Fauzi Deraman	Tiada laporan suntingan.
	Medan Fatwa	9	Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri	Tiada laporan suntingan.
	Akidah	89	Dato' Ustaz Badli	Laporan suntingan biasa

2014	dan Falsafah		Shah bin Alauddin	kerana menyalahi fakta sejarah serta perkataan yang kurang sopan.
	Fiqah Syariah	87	Ustaz Harryanto Rizal Rokman	Laporan suntingan biasa kerana perkataan yang kurang sopan.
	Fiqah Wanita	45	Ustazah Isfadiyah Mohd Dasuki	Tiada laporan suntingan.
	Tasawuf Harian	70	Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri	Tiada laporan suntingan.
2015	Akidah dan Falsafah	87	Dato' Ustaz Badli Shah bin Alauddin	Tiada laporan suntingan.
	Celik Hadith	22	Dr. Fauzi Deraman	Tiada laporan suntingan.
	Fiqah Wanita	40	Ustazah Isfadiyah Mohd Dasuki	Tiada laporan suntingan.
	Medan Fatwa	43	Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri	Tiada laporan suntingan.
	Fiqah Syariah	69	Ustaz Harryanto Rizal Rokman	Tiada laporan suntingan.
<b>Jumlah Episod</b>		<b>805</b>		

(Sumber: Abdul Azib & Mohd Kamil, 2020)

Di TV AlHijrah, terdapat dua aspek yang boleh dijadikan indikator untuk mengukur sesuatu program sebagai patuh fatwa.

- i. Pertama: Dari sudut kandungan program.
- ii. Kedua: Dari sudut kelulusan panel penceramah jemputan.

Dari sudut kandungan program, TV AlHijrah menjadikan fatwa sebagai rujukan pematuhan syariah dalam setiap kandungan programnya. Di bawah tajuk ke-3, Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam dalam Garis Panduan Penyiaran TV AlHijrah (2013), dinyatakan secara jelas beberapa kriteria dalam menentukan kedudukan kandungan sesuatu multimedia dan penyiaran, seperti pada perkara (vii) iaitu:

(vii) Tidak bertentangan dengan fatwa atau pendapat jumhur ulama.


- (a) Fatwa bermaksud keputusan sesuatu hukum agama yang dikeluarkan secara rasmi oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia atau pihak berkuasa fatwa negeri-negeri.

Cara yang diamalkan sebelum ini sebagai aplikasi patuh syariah di TV AlHijrah ialah menetapkan bahawa setiap program atau rancangan harus

ditonton tapis terlebih dahulu oleh Unit Penapisan Kandungan (UPK) sebelum ia diluluskan untuk bersiaran.

Jika laporan tonton tapis yang dikeluarkan oleh unit ini mempunyai suntingan pada kod masa yang tertentu, maka penerbit harus membuat suntingan pada program tersebut terlebih dahulu sebelum disiarkan. Carta alir gerak kerja penerbitan, tonton tapis dan penyiaran sesuatu program diringkaskan seperti di bawah.

Carta 1.0: Carta Alir Gerak Kerja Penerbitan, Tonton Tapis dan Penyiaran di TV AlHijrah antara Tahun 2012 - 2015



(Sumber: Abdul Azib & Mohd Kamil, 2020)

Manakala dari sudut kelulusan panel penceramah jemputan yang akan bersiaran di TV sama ada dari dalam atau luar negara, ia perlu melalui semakan dan kebenaran tauliah mengajar dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan terlebih dahulu.

Panel penceramah jemputan yang tidak mempunyai tauliah mengajar pula akan dipohon kebenaran khas. Kebenaran berceramahnya adalah tertakluk kepada kelulusan dan panduan daripada Pejabat Mufti Wilayah (2016) seperti berikut:

- Tidak menyebarkan apa-apa pandangan yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Tidak menyentuh perkara berhubung kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja atau Sultan sebagai ketua agama negeri.
- Tidak menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan yang tidak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Tidak menyentuh isu parti politik, status hal peribadi atau menghina mana-mana pihak kuasa agama, dan

- e) Mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa agama berkenaan.

Daripada jumlah keseluruhan episod dalam jadual 3 di atas, hanya terdapat dua isu utama yang dilaporkan bercanggah dengan keputusan fatwa Majlis Kebangsaan dan Negeri iaitu:

- a) Isu berkaitan pendermaan organ (Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki 1995) dan;
- b) Isu penggunaan kalimah Allah kepada orang bukan Islam (Muhammad Zuhaili Saiman dan Anwar Fakhri Omar 2013).

Isu pendermaan dan pemindahan organ telah dibincangkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan sejak 1960-an lagi. Majlis telah memutuskan hukumnya adalah harus dan tertakluk kepada syarat serta prinsip-prinsip yang tertentu selaras dengan kehendak Islam (Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2011). Bahkan beberapa buah negeri telah mengguna pakai fatwa tersebut di tempat masing-masing seperti Perlis (6 November 1965), Sarawak (diwartakan pada 31 Disember 1996), Selangor (2000), Johor (18 Oktober 2001) dan Pulau Pinang (diwartakan pada 9 Disember 2010).

Isu penggunaan kalimah Allah kepada orang bukan Islam juga telah dibincangkan di peringkat Majlis Fatwa Kebangsaan (pada 5 – 7 Mei 2008) (Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) 2013), Jawatankuasa Fatwa Negeri (seperti Wilayah Persekutuan, pada 21 Ogos 2008) (Muhammad Arifin bin Ismail 2010) dan mesyuarat kabinet (pada 16 Mei 1986, 3 Januari 2008, 18 Oktober dan 1 November 2006) (Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) 2013). Hasil perbincangannya telah sepakat memutuskan seperti berikut:

*“...lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam lain. Oleh itu wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan” (Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) 2013).*

Dalam jadual laporan UPK di atas, penceramah Fiqah Syariah musim pertama dilaporkan mempunyai jumlah suntingan yang paling banyak melibatkan ketidakpatuhan fatwa dan pelanggaran terhadap kebenaran khas berceramah dari Pejabat Mufti Wilayah, berbanding bidang-bidang program yang lain. Ia berlaku dalam keadaan yang sukar dikawal kerana bidang program penceramah tersebut bersiaran secara langsung atau *live*.

Oleh itu, risiko sukar kawalan ini telah diatasi dengan membuat rakaman secara biasa iaitu *recorded*. Penceramah Fiqah Syariah tersebut juga terpaksa direhatkan setelah bersiaran selama satu musim dan diganti dengan penceramah jemputan yang lain.

Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dalam menjawab isu ini menegaskan bahawa pendakwah sama ada dalam atau luar negara perlu mengikut peraturan berdakwah di Malaysia dengan tidak menyangkal fatwa yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan (My Metro 2020).

## **6. Analisis Evaluasi Konteks, Input, Proses Dan Produk Terhadap Program Cinta Ilmu**

Evaluasi konteks bermaksud menilai pencapaian objektif program Cinta Ilmu dan permasalahan yang menghalang pencapaian matlamatnya. Ia merujuk kepada permasalahan yang berlaku dalam program ini iaitu ketidakpatuhan fatwa oleh penceramah jemputan TV.

Merujuk kepada deskriptif penceramah jemputan TV dalam program ini, ia boleh dikenal dari sudut jantina, pengalaman mengajar dan kelayakan ilmu. Ia diringkaskan seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 4.0: Deskriptif Penceramah Jemputan TV Program Cinta Ilmu

Perkara	Bil. Jantina	Kelayakan Ilmu	Pengalaman Mengajar
1.	6 lelaki	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seorang Sheikh</li> <li>• Seorang mantan Mufti dan Dr. Phd</li> <li>• 2 orang Dr. PhD</li> <li>• 2 orang ustaz</li> </ul>	Semua mempunyai pengalaman mengajar
2.	2 wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seorang Dr. PhD dan pensyarah universiti</li> <li>• Seorang ustazah</li> </ul>	Semua mempunyai pengalaman mengajar
Jumlah	6 orang		

(Sumber: Abdul Azib & Mohd Kamil, 2020)

Objektif program Cinta Ilmu yang bertujuan menyebarkan ilmu agama dikira tercapai meskipun terdapat sedikit halangan dari sudut ketidakpatuhan fatwa. Ukuran kejayaan ini dinilai melalui *rating* program yang sentiasa mempunyai tontonan tertinggi di TV AlHijrah pada masa tersebut. Program ini juga masih tetap diteruskan walaupun selepas timbul isu hangat di media sosial seperti *facebook* yang mendesak supaya penceramah Fiqah Syariah musim pertama kembali dibenarkan bersiaran di TV.

Evaluasi input pula bermaksud menilai kesediaan penceramah untuk mematuhi peraturan bersiaran di TV dan syarat-syarat kebenaran khas

berceramah di samping aspek-aspek sokongan lain yang membantu penerbitan program.

Antara peraturan bersiaran di TV adalah memenuhi kriteria seperti berikut iaitu:

- a) Berfahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- b) Mempunyai tauliah mengajar agama dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan atau mendapat kelulusan dari Pejabat Mufti Wilayah.
- c) Bermazhab Shafi'i dan tidak mempunyai polemik berkaitan isu-isu *khilafiyah* mazhab.
- d) Tidak menyentuh berkaitan isu-isu politik atau mempunyai pandangan yang berlawanan dengan dasar dan pendekatan kerajaan.
- e) Berilmu, berperwatakan menarik dan berpenampilan sopan.

Manakala syarat-syarat kebenaran khas berceramah adalah tertakluk kepada garis panduan dari Pejabat Mufti seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Aspek-aspek sokongan yang membantu kelancaran penerbitan program pula adalah seperti kitab rujukan, sistem MAM dan *running order* (RO) program.

Dalam hal di atas, hanya perkara yang berkait dengan syarat-syarat kebenaran khas berceramah sahaja mempunyai isu. Iaitu penceramah tidak mengikut sepenuhnya syarat-syarat tersebut seperti yang telah dinyatakan dalam jadual 3 di atas.

Manakala evaluasi proses pula bermaksud menilai strategi-strategi yang dilaksanakan oleh pihak penerbit program Cinta Ilmu supaya patuh fatwa serta keberkesanan strategi-strategi tersebut.


Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, antara strategi yang diaplikasikan sepanjang proses penerbitan ialah:

- i. Pertama, merujuk laporan tonton tapis daripada UPK serta melakukan suntingan jika terdapat pandangan penceramah yang berlawanan dengan keputusan fatwa rasmi. Namun hal ini mempunyai kelemahan serta tidak dapat dilaksanakan bagi program yang bersiaran secara *live*.
- ii. Kedua, penceramah juga disaring kelayakan mereka serta mesti mendapat kebenaran khas dari Pejabat Mufti Wilayah terlebih dahulu.

Strategi proses seperti ini dinilai masih wajar dan sesuai dengan prosedur kerja serta berkesan dalam mengawal isu-isu sensitif berkaitan fatwa. Namun, penambahbaikan daripada komen penonton juga adalah perlu kerana mungkin terdapat isu tertentu yang terlepas pandang ketika proses tonton tapis dilaksanakan.

Seterusnya evaluasi produk pula bermaksud menilai tahap kepatuhan fatwa dalam program Cinta Ilmu dari sudut hasil yang dicapai dan cadangan-cadangan penambahbaikan untuk memperkuatkan lagi kepatuhan tersebut.

Berdasarkan penyelidikan ini, kajian mendapati bahawa tahap kepatuhan fatwa dalam program Cinta Ilmu adalah baik. Hanya dua isu pelanggaran fatwa sahaja yang dikenal pasti dilaporkan daripada keseluruhan 805 episod program tersebut. Manakala 16 isu yang lain adalah berkaitan dengan pelanggaran terhadap kebenaran khas berceramah dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan empat isu lagi diklasifikasikan sebagai suntingan biasa (rujuk jadual 3). Hasil tahap kepatuhan fatwa yang dicapai adalah tinggi iaitu sebanyak 97.26%. Peratus penilaian ini digambarkan seperti dalam carta pai di bawah:



(Sumber: Abdul Azib & Mohd Kamil, 2020)

Namun beberapa cadangan penambahbaikan perlu diberi penekanan untuk memperkuatkan kepatuhan fatwa dalam program TV seperti kompetensi mengurus perbezaan pandangan hukum antara penceramah jemputan yang berpengaruh dengan fatwa arus perdana di negara kita. Pihak penerbit terlebih dahulu perlu peka dengan fatwa semasa negara serta memberikan penjelasan awal kepada penceramah jemputan supaya tidak

menimbulkan isu-isu khilafiah yang boleh menggemparkan pandangan awam.

## 7. Penutup

Berdasarkan kajian penilaian kepatuhan fatwa terhadap program Cinta Ilmu di TV AlHijrah antara tahun 2012 hingga 2015 ini, pengkaji menyimpulkan bahawa tahap kepatuhan fatwa dalam program TV adalah masih tinggi dan baik. Setiap penceramah jemputan TV perlu mematuhi keputusan fatwa rasmi negara atau negeri apabila mengemukakan pandangan hukum ketika bersiaran, lebih-lebih lagi apabila fatwa tersebut telah ditakninkan.

Implikasi ketidakpatuhan fatwa dan pelanggaran terhadap kebenaran khas berceramah dari Pejabat Mufti boleh menyebabkan seseorang penceramah dikenakan tindakan seperti sekatan berceramah atau penarikan tauliah. Menjadi tanggungjawab institusi media seperti TV untuk menyebarkan pandangan hukum yang selari dengan fatwa arus perdana kepada masyarakat bagi mengelakkan perkara yang boleh menimbulkan kontroversi.

Umat Islam sepatutnya meminta penjelasan daripada pihak berkuasa agama apabila timbul sesuatu percanggahan berkaitan pandangan hukum, bukan menghangatkan pertikaianya di media sosial. Pun begitu, kes-kes yang berlaku dalam kajian ini tidak menjelaskan institusi fatwa dan kepercayaan masyarakat terhadap para ulama.

## Rujukan

- A. G Zulkiple. (2014). “Fiqh Broadcasting: A Comparative Study of Television Program Production in Malaysia and Iran.” *Advances in Natural and Applied Sciences (ANAS), American-Eurasian Network for Scientific Information (AENSI) Publisher: Jordan.*
- Abdul Azib Hussain. (2017). Implementasi Kepatuhan Fatwa di TV AlHijrah: Kajian Evaluatif Terhadap Penapisan Kandungan. Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abu al-Basl, ‘Abd al-Nasir bin Musa. (2009). “Dawabit al-Fatwa ‘Abr al-Fadaiyyat”, *Mu’tamar al-‘Alamiy li al-Fatwa wa Dawabitihā, Majma’ al-Fiqhi al-Islamiy, Rabitah al-‘Alam al-Islamiy, Mekah, Arab Saudi*, 17 – 20 Januari 2009.
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan). 1993. [Akta 505], sek. 34 (3).
- ‘Ali Jum’ah, *Sina’ah al-Ifta’*. (2008). Ed. 1. Giza: Nahdah Misr.
- Cinta Ilmu, AlHijrah Media, <https://alhijrahmedia.com/cinta-ilmu/>.
- Fauziah Hassan et. al. 2015. “Producing Television Programs Relevant to All Multi-Cultural Society in Malaysia”, *Global Media Journal – Malaysian Edition, Vol. 5, Issue 1, 2015*, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi: UPM.
- Hajar Opir dan Muhammed Yusof. (2015). “Keperluan Patuh Syariah Dalam Filem Dakwah: Satu Pengamatan Awal,” dalam *Isu-isu Semasa Media dan Dakwah*, ed. Yusmini Md Yusoff, Nor Raudah Hj Siren, Muhammed Yusof dan Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.

- Hasan Muhammad ‘Abd Allah al-Marzuki dan Hamzah ‘Abd al-Karim Muhammad Hammad. (2018). “*Al-Fatwa ‘Abr al-Fadaiyyat*”, *Journal of Fatwa Management and Research*, 4(1), 2018, USIM: Nilai.
- Hasnan Kasan dan Jasri Jamal. (2003). “Fatwa dalam Perundangan Islam dan Fungsinya Menanggani Keperluan Hukum Semasa Menurut Siasah al-Syar’iyyah”, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 7, Bangi: UKM.
- Hawa’ Sa’ud. (2013/2014). *Al-Fatwa al-Syar’iyyah ‘Abr al-Fadaiyyat, al-Waqi’ wa al-Ma’mul*. Tesis Sarjana, Fakulti Ilmu-ilmu Islam, Universiti El-Oued, Algeria.
- Hazem Anwar Mohamed el-Banna. (2008). “Akhlaqiyat al-I’lam fi al-Fadaiyyat al-‘Arabiyyah al-Khassah Kama Yaraha ‘Ainah min al-Jumhur al-Misri”, *al-Mu’tamar al-‘Alamiy al-Duwaliy al-Rabi’ ‘Ashar: Al-I’lam Bayn al-Hurriyyah wa al-Masuliyyah*, Fakulti Media, Universiti Kaherah, 1 - 3 Julai 2008.
- Kamus Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. (2020). Diakses pada 17 Jun 2020 melalui <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=patuh>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2011). *Pemindahan Organ dari Perspektif Islam*. Malaysia: Putrajaya.
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2013). *Wajib Pelihara Kesucian Nama Allah*. Selangor: MAIS.
- Mazni Buyong dan Rizalawati Ismail. (2011). “Islamic Programs in Malaysian Free-to-Air Television Channels”, *International Conference on Islamic Civilization and Malay Identity, Malacca*, 14 – 15 November 2011.
- Md Rozalafri Johari et. al. (2015). “Syarat Penerbitan TV Patuh Syariah: Suatu Refleksi”, *1st National Conference on Communication Research & Exhibition KUIS*, 4 Mac 2015.
- Media Articles, International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia. (2020). Diakses pada 23 Jun 2020 melalui <https://iais.org.my/publications-sp-1447159098/dirasat-sp-1862130118/media-articles/item/218-kewajipan-patuh-kepada-fatwa-in-bahasa-malaysia..>
- Mohd Anuar Ramli et. al. (2013). “Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal”, *Jurnal Fiqh* 10, Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
- Muhammad Arifin bin Ismail. (2010). “Isu Kalimah Allah dan Kaitannya dengan Pluralisme”, *Program Pemantapan Fatwa 2, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Pusat Islam Kuala Lumpur*, 2010.
- Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki, Sheikh. (1995). *Adillah Tahrim Naql al-A’da’ al-Adamiyyah*. Dar Ihya’ al-Turath al-Islamiyah: Kaherah.
- Muhamad Shukri Muhamad, Dato’ Hajji. (2012). “Kriteria dan Panduan Pengeluaran Fatwa Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah”, *Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dengan kerjasama JAKIM, USIM*, 24 Oktober 2012.
- Muhammad Zuhaili Saiman dan Anwar Fakhri Omar. (2013). “Larangan Penggunaan Kalimah Allah oleh Non Muslim: Antara Teori Ilmiah dan Realiti Maslahat Semasa”, *Jurnal Isu Syariah dan Undang-undang Siri 19*, ed. Anwar Fakhri et. al., Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam: Bangi.
- Mutakhir, My Metro. (2020). Diakses pada 22 Jun 2020 melalui <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2014/11/11535/pendakwah-perlu-akur-fatwa..>
- Nasir bin ‘Abd al-Rahman al-Hazani. (2008/2009). *Al-Ta’arrud li Baramij al-Ifta’ fi al-Qanawat al-Fada’iyyah al-‘Arabiyyah wa Ishba’atiha*. Tesis Sarjana, Fakulti Dakwah dan Media, Universiti Imam Muhammad bin Sa’ud al-Islamiyah, Arab Saudi.
- Othman Ishak. (1981). *Fatwa dalam Perundangan Islam*. Penerbit Fajar Bakti: Kuala Lumpur.

- PMWP(S)600/2/4 Klt. 3 (2016 ): Surat Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Hj. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri. 29 Februari 2016M.
- Al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din. (2006). *Al-Fatwa fi al-Islam*. Damsyik: Dar al-Nahdah.
- Al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husin bin Muhammad. (1412H). *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Ed. 1, Safwan Adnan al-Dawudi, j. 1. Beirut: Dar al-Qalam.
- Thomas Kellaghan, Daniel L. Stufflebeam, dan Lori A. Wingate. (2003). *International Handbook of Educational Evaluation*. Dordrecht: Kluwer Academic Publishers.
- TV AlHijrah. (2013). “Garis Panduan Penyiaran TV AlHijrah”, Garis Panduan Unit Penapisan Kandungan, TV AlHijrah.
- Zainab Muhammad Hamid Hasan. (2018). *Fatawa al-Fada'iyyat wa Ta'thiruhā 'ala Suluk al-Jamahir*. Beirut: Dar al-'Arabiyy li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- \_\_\_\_\_.(2012). *Ta'thir al-I'timad 'ala al-Fatawa al-Diniyyah al-Muqaddamah fi al-Fada'iyyah al-Arabiyyah 'ala Ma'arif wa Sulukiyyat al-Jumhur al-Misri*. Disertasi PhD, Fakulti Media, Universiti Kaherah.